

16 MAY 2001

MB TERENGGANU BERHASRAT JUMPA PERDANA MENTERI

KUALA TERENGGANU, 16 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu Abdul Hadi Awang berhasrat mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri bagi membincangkan hubungan antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat.

Katanya beliau telah menghantar dua pucuk surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan hasrat untuk mengadakan pertemuan itu, bagaimanapun belum menerima jawapan.

Banyak perkara yang perlu dibincangkan dalam pertemuan itu termasuk hal-hal berkaitan hubungan dan kerjasama antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco di sini hari ini.

Ketika ditanya mengenai ketidakhadiran beliau semasa Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merasmikan Amanah Saham Didik peringkat negeri Terengganu di sini, Isnin lepas, Abdul Hadi menjelaskan ketika itu beliau mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa sambutan Hari Keputeraan Sultan Terengganu.

"Majlis itu bertembung dengan mesyuarat sambutan Hari Keputeraan tuanku yang tarikhnya telah ditetapkan lebih awal daripada yang dimaklumkan mengenai majlis Timbalan Perdana Menteri itu," katanya.

Abdul Hadi sebelum ini dilaporkan berkata bahawa beliau bersedia menghadiri majlis-majlis yang diadakan Umno sekiranya dijemput.

-- BERNAMA

MRA SN RON